

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 27 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 29**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1242-L44189  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha pihak bank tempatan dan syarikat kewangan dalam memberi kelonggaran prosedur pinjaman kepada pengguna untuk mengelakkan pengguna meminjam daripada Ah Long yang berisiko tinggi dan setakat manakah pengawasan pihak berkuasa terhadap aktiviti Ah Long yang masih berleluasa di bandar.
2. PR-1242-L44832  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pengundi tentera yang bersara bertukar status kepada pengundi awam.
3. PR-1242-L44241  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kedudukan kelajuan akses Internet di negara ini berbanding negara-negara Asia yang lain dan sejauh mana usaha yang dijalankan untuk menaik taraf kelajuan akses internet supaya rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada pembekal yang bersaing.
4. PR-1242-L43741  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah peningkatan pengaliran wang haram di negara ini yang mencecah RM888 bilion dari tahun 2000 hingga 2008.
5. PR-1242-L43110  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah MIDA dalam usaha meningkatkan pelaburan dari China sehingga 10 kali ganda kepada RM6.2 bilion bagi 2011 berbanding RM600 juta pada 2010 sebagaimana kenyataan Ketua Pengarahnya baru-baru ini.

6. PR-1242-L44120  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kementerian menukar pendiriannya untuk meneruskan monopoli Puspakom dan nyatakan mengapa Kerajaan enggan memberi persaingan untuk membolehkan pengguna memperolehi perkhidmatan yang baik.
7. PR-1242-L43124  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan sistem parol, berapa bilangan yang sudah terlibat dan apakah garis panduan pelaksanaan dasar ini.
8. PR-1242-L44530  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan unjuran pendapatan tahunan, kos penyelenggaraan, penambangan (*ridership*) dan harga tambang MRT dari tahun 2016 hingga 2020 dan juga menyatakan mengapa permintaan puluhan ribu penduduk untuk MRT dibina di kawasan Kota Damansara, Bandar Utama, Taman TTDI, Seksyen 16 dan 17, PJ tidak dipedulikan.
9. PR-1242-L43160  
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) berapa nilai pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk ke Malaysia semenjak tahun 2008; dan
  - (b) daripada jumlah tersebut, berapa banyak yang disalurkan ke negeri Sabah.
10. PR-1242-L43338  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan yuran yang dikenakan oleh ejen pembantu asing.
11. PR-1242-L43823  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan hasil buah-buahan tempatan yang telah dibenarkan menembusi pasaran di China. Apakah usaha-usaha yang sedang diambil untuk memperbanyakkan lagi buah-buahan tempatan ke pasaran China.
12. PR-1242-L43668  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah anggaran kos pendapatan cukai yang terlepas sekiranya satu program 'Kereta Pertama Ku' di mana pembelian pertama kereta tempatan di bawah 1,800 cc oleh rakyat Malaysia diberi pelepasan cukai jualan dan eksais.

13. PR-1242-L44397  
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menjadikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran elektif.
14. PR-1242-L43519  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah Kementerian tidak menetapkan prosedur yang standard bagi keluasan tanah dan spesifikasi lain untuk pembinaan bangunan baru bagi sekolah-sekolah Cina dan Tamil di mana ketiadaan prosedur menyebabkan pembinaan bangunan sekolah yang lengkap dalam semua aspek tidak dapat disempurnakan.
15. PR-1242-L43917  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian berminat memperluaskan "Skim Rumah Pertamaku" di kawasan Iskandar Malaysia khasnya Parlimen Gelang Patah; dan
  - (b) jumlah penduduk yang berjaya memohon "Skim Rumah Pertamaku" dan punca utama bagi permohonan yang gagal.
16. PR-1242-L44601  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan YB Ampang bertarikh 13 Disember 2010, adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan suatu sistem sokongan buat pemerikayaan dan memelihara kebajikan wanita muda lepasan graduan, ibu muda bagi membantu mereka menghadapi tekanan kenaikan harga barang yang berlaku kini.
17. PR-1242-L44282  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membawa masuk menara pancaran telekomunikasi ke kawasan luar bandar terutamanya kawasan pedalaman di Sarawak; dan
  - (b) apakah kos anggaran sekiranya pihak Kementerian mempunyai rancangan tersebut, dan sekiranya tidak, apakah faktor yang menjadi penghalang terhadap rancangan tersebut.
18. PR-1242-L44300  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan calon SPM yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dan Kesusasteraan Cina dan antara mereka berapa orang calon SPM yang dapat Gred A. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalak lebih ramai pelajar mengambil kedua-dua mata pelajaran tersebut.

19. PR-1242-L44591  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan strategi Kerajaan di dalam menangani masalah peniaga yang mengambil kesempatan daripada penjualan semula barangan yang telah tamat tarikh luput serta kenaikan harga barangan seperti gula. Adakah Kerajaan mempunyai kapasiti penguatkuasaan yang mencukupi untuk melindungi kepentingan pengguna.
20. PR-1242-L44744  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) butiran pembelian pesawat penerbangan oleh Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) daripada dana pinjaman yang dijamin Kerajaan sebanyak RM9 bilion; dan
  - (b) jenis pesawat yang dibeli oleh Aircraft Business Malaysia (ABM) melalui pinjaman berjumlah RM1.9 bilion yang juga dijamin Kerajaan.
21. PR-1242-L44803  
**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah produk perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi 'Unifi' yang dipelopori oleh Telekom Malaysia Berhad dapat menyediakan perkhidmatannya merangkumi setiap pelusuk negara dengan penawaran harga yang berpatutan khususnya bagi penduduk luar bandar.
22. PR-1242-L44958  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan kenderaan teksi menggunakan gas NGV dan nyatakan sehingga kini bilangan stesen yang ada.
23. PR-1242-L43206  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jambatan kereta api dan jejambat, yang mula dibina di pekan Padang Besar enam tahun lalu, akan disiapkan, dan apakah sebab pembinaannya memakan masa terlalu lama, walaupun masalah kontraktor telah dikenalpasti lebih dari tiga tahun dahulu.
24. PR-1242-L43547  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengenai bantuan tanam semula getah sebanyak RM9,230 bagi setiap hektar. Mengapakah sehingga kini bantuan tersebut belum diterima serta berikan perincian kos bagi setiap bantuan tersebut.

25. PR-1242-L44486  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pembayaran yang telah dibuat setakat ini kepada MMC-Gamuda JV bagi projek landasan berkembar di antara Ipoh dengan Padang Besar sejak bermula penguatkuasaan perjanjiannya. Berapa pula dijangka yang belum dibayar dan nyatakan peratusan kerja yang telah siap setakat ini serta tarikh penyerahan terkini selepas ditunda.
26. PR-1242-L44917  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan benarkah panel solar PV yang dihasilkan di Kulim hanya dieksport ke luar negara sahaja. Apakah cara untuk rakyat Malaysia memanfaatkan teknologi tersebut.
27. PR-1242-L43636  
**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bolehkah Kerajaan mengadakan *inland port* di Tedungan, Limbang untuk barangan yang diimport dari negara-negara di bawah *Asean Trade In Goods Agreement / Asean Industrial Corporation Schemes* yang hanya transit di Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam untuk masuk ke kawasan utara Sarawak.
28. PR-1242-L43745  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan polisi *Cost Reduction* iaitu mengurangkan kos perbelanjaan Kerajaan menerusi inovasi dan bukannya *Subsidy Reduction* seperti yang dilakukan sekarang oleh PEMANDU bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat seperti kenaikan harga gula.
29. PR-1242-L43978  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan penglibatan/peluang yang diberi kepada syarikat tempatan/Bumiputera berhubung pengendalian minyak di laut dalam '*offshore activities*'.
30. PR-1242-L44369  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesudahan gaji minimum pengawal keselamatan dan pekerja klinik dapat dilaksanakan sedangkan ia telah dipersetujui dan telah diputuskan.
31. PR-1242-L43575  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pelaburan yang dibawa masuk oleh Labuan FSA ke Malaysia dan adakah penubuhan LOFSA pada tahun 1995 yang kini dikenali sebagai Labuan FSA berjaya memainkan peranannya sebagai antara agensi yang menjadi nadi membangunkan Labuan.

32. PR-1242-L44024  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan senarai nilai sebenar kos perbelanjaan secara terperinci termasuk pembinaan tugu-tugu, iklan-iklan serta yuran (*fee*) pelantikan perunding yang terlibat untuk mempromosikan kempen slogan 1Malaysia.
33. PR-1242-L43342  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan peranan stesen televisyen Islam pertama, TV Al-Hijrah sejak dilancarkan akhir tahun lalu.
34. PR-1242-L43874  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Skim 1Care mungkin akan menyebabkan kemerosotan kualiti perkhidmatan perubatan akibat doktor cuba menyekat kos memandangkan mereka hanya akan diberi yuran yang tetap. Bilakah butiran halus skim tersebut akan dikemukakan.
35. PR-1242-L43238  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) terhadap Kerajaan dan kesannya kepada rakyat.
36. PR-1242-L44276  
**Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini siasatan penyelewengan yang berlaku seperti yang tercatat dalam Laporan Ketua Audit Negara. Berapakah kes yang telah dikenakan tindakan dan bentuk tindakan tersebut.
37. PR-1242-L43814  
**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk membasmi masalah perbuatan sindiket kitar semula barangan makanan luput tempoh yang berlaku baru-baru ini.
38. PR-1242-L43580  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek jalan dan jambatan yang akan dilaksanakan di Parlimen Sik dari 2011-2013 dalam RMKe-10 dan jumlah kos yang terlibat.
39. PR-1242-L43545  
**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan siapakah yang menentukan dan membuat sukatan mata pelajaran di Malaysia (silibus) khususnya subjek Sejarah. Apakah Kementerian berpuas hati dengan pencapaian pelajar memahami subjek Sejarah berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan ini serta apakah ukuran yang digunapakai bagi menilai pencapaian subjek ini.

40. PR-1242-L43325  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai projek dan pelaburan yang telah dilaksanakan dan sedang dalam pelaksanaan bagi Koridor Sabah. Apakah kesudahan projek Solar Mate bernilai RM100 juta yang dilaksanakan di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) Sabah.
41. PR-1242-L44087  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan permohonan Malaysia kepada Kerajaan Arab Saudi untuk menambahkan kuota tambahan, supaya rakyat negara ini yang telah lama mendaftar untuk menunaikan haji dapat berbuat demikian dengan lebih cepat.
42. PR-1242-L43753  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan selepas Kerajaan gagal melaksanakan program SUBUR apakah mekanisme yang digunakan untuk mengawal harga beras bagi membantu golongan miskin.
43. PR-1242-L43270  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengimbangi kekurangan wanita dalam lembaga pengarah syarikat senarai awam (GLC) sedangkan kajian membuktikan kehadiran wanita dalam lembaga pengarah menyumbang secara ketara dalam menambah baik prestasi syarikat.
44. PR-1242-L44455  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tentang kesan dari kekurangan tanggungan subsidi terhadap harga komoditi dan barang-barang asas pengguna :-
- (a) nyatakan jumlah hasil tambahan selepas berapa tindakan mengurangkan subsidi oleh Kerajaan; dan
  - (b) senaraikan kenaikan harga komoditi dan barang-barang asas pengguna, beri perbandingan dari awal tahun 2008 dengan tahun 2011.
45. PR-1242-L45016  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan harta pusaka yang dituntut bernilai sebanyak RM42 bilion dari Amanah Raya Berhad.
46. PR-1242-L44914  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berkenaan peratusan guru-guru bukan Melayu di sekolah-sekolah Kebangsaan dan peratusan guru besar / pengetua atau penolong-penolong kanan di dalam negara ini.

47. PR-1242-L43661  
**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wujud perancangan untuk mendaftarkan setiap warga negara Malaysia sebagai pengundi secara automatik setelah mereka genap berusia 21 tahun. Jika inisiatif tersebut tidak wujud dalam pelan rancangan, apakah sebab-sebab inisiatif ini tidak diambil oleh Kerajaan.
48. PR-1242-L43928  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang berkesan untuk mengawalkan kos perubatan dan pembedahan yang terlampau tinggi di hospital swasta; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengenakan garis panduan kepada hospital swasta untuk mengelakkan kos perubatan yang tinggi.
49. PR-1242-L43333  
**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan dengan kematian Penolong Pengarah Kastam Negeri Selangor, Allahyarham Tuan Ahmad Sarbani Mohamed :-
- (a) apakah hasil siasatan berkenaan dengan kes di atas; dan
  - (b) adakah terdapat mana-mana pihak yang akan dituduh di mahkamah.
50. PR-1242-L44440  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak dan membuat penyelarasan semula gaji penjawat awam dalam masa terdekat ini bagi mengimbangi kesan kenaikan harga barang semasa.
51. PR-1242-L44015  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini perancangan menubuhkan teknologi nuklear di Malaysia.
52. PR-1242-L43328  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah nilai setiap projek penyaluran gas dari Sabah ke Bintulu setakat ini dan peratusan yang telah dibelanjakan. Berapa jumlah meter padu gas dilaburkan dan bilakah hasil pulangan dijangka dapat diperolehi.
53. PR-1242-L43607  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan dalam menganjurkan kempen 1Malaysia semenjak pelancarannya.



54. **Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan :-
- (a) baki setinggan/perkampungan mereka yang masih ada; dan
  - (b) langkah untuk membantu golongan miskin bandar berpendapatan RM3000 ke bawah mendapat pembelaan dan meningkatkan pendapatan isi keluarga.
55. PR-1242-L43212  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah proaktif yang telah dikuatkuasakan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa institusi kewangan dan bank supaya memberi notis ingatan kepada Bank Negara dan Unit Jenayah Komersial di Bukit Aman apabila mangsa-mangsa skim penipuan Internet didapati menghantar wang kerap kali secara teratur kepada sindiket-sindiket; dan
  - (b) berapa kes penipuan yang melibatkan skim penipuan Internet telah disiasat dan dibawa ke mahkamah di setiap negeri dalam lima tahun yang lalu dan apakah kelemahan-kelemahan undang-undang untuk mendakwa sindiket-sindiket ini.
56. PR-1242-L44675  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan novel 'Interlok' belum lagi digunakan sebagai buku teks sastera di tingkatan lima. Bilakah murid-murid akan mula menggunakan novel ini dan adakah mereka sempat mengejar masa untuk persediaan peperiksaan pada bulan November 2011.
57. PR-1242-L44868  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah dasar baru dan perubahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan kelulusan pemberian kuota beras nasional ST15 dan nyatakan syarikat dan individu yang mendapat kuota beras ST15 seluruh negara.
58. PR-1242-L44156  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab tanah Lot 1165, Geran 33410 Seksyen 69 Jalan Merlimau, Off Jalan Kenanga, Kuala Lumpur diberikan kepada pemaju sedangkan terdapat lebih daripada 250 penjaja pasar yang berniaga di situ sejak 40 tahun. Adakah Kerajaan bersetuju dengan permintaan penjaja supaya ditempatkan semula di tingkat bawah di tapak yang sama yang mana tempat cadangan membina kompleks baru.

59. PR-1242-L43287  
**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan isu penyusunan semula industri air negeri Selangor bagi memastikan Selangor tidak akan mengalami krisis kekurangan bekalan air dan kepentingan pengguna dipelihara.
60. PR-1242-L44682  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah untuk semua kes serius (jenayah) di kawasan Hilir Perak untuk lima tahun 2006-2010; dan
  - (b) berapakah di antara kes-kes itu yang diselesaikan oleh pihak polis.
61. PR-1242-L44231  
**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah persetujuan telah diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menghapuskan undi pos di dalam Pilihan Raya Umum ke 13 nanti.
62. PR-1242-L44157  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membatalkan rancangan untuk membina loji tenaga nuklear yang pertama di Malaysia setelah peristiwa kebocoran loji nuklear yang tidak terkawal berlaku di Fukushima, Jepun pada bulan Mac tahun ini.
63. PR-1242-L43256  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) jenis penyakit yang dikesan dibawa masuk oleh pendatang asing dari Filipina dan Indonesia, yang masuk ke negara ini melalui "pintu belakang"; dan
  - (b) kekerapan pemeriksaan kesihatan dijalankan ke atas kawasan koloni mereka ini (kerana terdapat banyak laporan penyakit kolera merebak di kawasan penempatan mereka ini).
64. PR-1242-L45021  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada kereta Proton dan Perodua termasuk dalam *Road Map* ke arah pencapaian pengurangan 40% intensiti karbon dan apakah pencapaian sehingga hari ini.

65. PR-1242-L43428  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah asas keputusan pihak Kementerian dalam pembekuan kewujudan institusi baru yang berkaitan dengan perubatan dan apakah keputusan ini tidak bercanggah dengan dasar Kementerian yang mahu mewujudkan negara sebagai pusat pengajian serantau dan dunia.
66. PR-1242-L44495  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi dan kedudukan Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sejak ia ditubuh :-
- (a) penyata keuntungan dan *balance sheet*; dan
  - (b) kedudukan terkini kesemua pelaburan termasuk nilai dan jangkakan pulangan setiap projek.
67. PR-1242-L44214  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kesan titik panas yang berlaku baru-baru ini terhadap cuaca di negara kita.
68. PR-1242-L44826  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesukaran yang dialami oleh pemohon Skim Rumah Pertamaku dari pihak bank yang enggan meluluskan pinjaman kepada pemohon, berapakah bilangan pemohon yang cukup syarat tetapi gagal mendapat pinjaman bank.
69. PR-1242-L43680  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada dakwaan bahawa anjing-anjing pasukan polis dibeli hanya daripada Negara China dan anjing-anjing tersebut merupakan anjing-anjing pertunjukan (*show dogs*) dan tidak sesuai untuk menjalankan tugas-tugas kepolisan.
70. PR-1242-L43579  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah individu dan organisasi yang sudah mendapat taraf 'dijamin kerahsiaan' melalui Akta Perlindungan Saksi dan adakah mereka dilindungi sepenuhnya dalam kenyataan mereka kepada SPRM atau badan-badan penyiasat lain.
71. PR-1242-L43183  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah mencapai kejayaan dalam peningkatan sistem penyampaian (*Delivery System*) dan pambanterasannya rasuah dan Program Transformasi Kerajaan.

72. PR-1242-L44793  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rasional keputusan Kerajaan memansuhkan subsidi diesel bagi bot-bot nelayan laut dalam, dalam Zon C2 (melebihi 30 batu nautika) dan impaknya terhadap nelayan-nelayan terbabit dan kesannya terhadap industri perikanan serta sejauh mana jaminan Kerajaan tidak akan memansuhkan subsidi diesel bagi bot-bot nelayan selain Zon C2.
73. PR-1242-L44643  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara teliti senarai subsidi Kerajaan kepada rakyat yang boleh dianggap sama seperti memberi "candu" dan apakah subsidi yang akan diturunkan pada tahun ini untuk membawa *defisit budget* di bawah kawalan.
74. PR-1242-L45004  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberhentikan penguatkuasaan penumpang tempat duduk belakang kereta memakai tali keledar memandangkan hanya 9.7% penumpang tempat duduk belakang kereta memakai tali pinggang keledar mengikut kajian MIROS. Sekiranya tidak, apakah strategi Kementerian dalam menangani masalah ini.
75. PR-1242-L44180  
**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang diambil terhadap hidupan liar seperti gajah yang merosakkan tanaman pekebun-pekebun kecil dan jika masih terdapat serangan hidupan liar, berapakah tempoh masa yang diperlukan oleh pihak Kerajaan untuk mengawal dan membendung serangan hidupan liar berkenaan.
76. PR-1242-L43500  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan puas hati dengan pencapaian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dalam meningkatkan kawalan hak asasi di Malaysia.
77. PR-1242-L44706  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar penagihan arak di negara ini dan apakah dasar industri minuman keras dalam negara. Kementerian manakah yang bertanggungjawab memantau kandungan dan penjualan arak atau minuman yang mengandungi alkohol di negara ini.
78. PR-1242-L43835  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyanggah *brain drain* yang dilaporkan dalam Laporan Ekonomi Bank Dunia Malaysia April 2011 dan untuk menarik bakat ke Malaysia.

79. PR-1242-L43386  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah Kerajaan mengambil pendekatan bagi menangani pertambahan jumlah kenderaan di jalan raya dengan keperluan atau mutu jalan raya yang ada dan sejauh manakah faktor mutu jalan raya menjadi penyumbang kepada masalah kemalangan maut di negara ini.
80. PR-1242-L43654  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Kementerian terhadap isu pelaksanaan konvensyen mengenai Kanak-kanak seperti mana dilaporkan oleh SUHAKAM pada tahun 2010.
81. PR-1242-L44581  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah daftar pemilih yang berpindah dan bertukar tempat pengundian yang terkini tahun 2011 di seluruh negara.
82. PR-1242-L44075  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah dan kaedah pemantauan untuk mengatasi masalah pengurangan sumber perikanan di perairan negara.
83. PR-1242-L43520  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih belum mengambil langkah-langkah proaktif dalam siasatan kes skandal tanah Tang Hak Ju walaupun Kerajaan Negeri telah mengemukakan bukti-bukti baru yang bernas serta membentangkan Kertas Putih kes ini di sidang Dewan Undangan Negeri.
84. PR-1242-L43450  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana kesudahan perancangan Suruhanjaya Pilihanraya terhadap perubahan '*Electoral Boundary*' seluruh Malaysia, dan adakah '*consultation*' diadakan dengan Kerajaan Negeri Sabah demi untuk mengetahui maklum balas dan pandangan dari pihak negeri.
85. PR-1242-L43363  
**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan pendapatan negara yang diperolehi menerusi program '*homestay*' di negeri Sabah sejak 10 tahun lalu.
86. PR-1242-L43144  
**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan terkini projek-projek tebatan banjir di Seberang Prai Tengah dan bilakah projek-projek ini dijangka akan siap.

87. PR-1242-L44699  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada satu (1) medium pemantauan yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam memantau kualiti jalan-jalan raya terutama jalan-jalan persekutuan yang kerap kali menyebabkan kemalangan akibat tidak diselenggara dengan baik dan sistematik. Apakah statistik kemalangan yang berpunca daripada kerosakan jalan lima (5) tahun kebelakangan ini.
88. PR-1242-L44774  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memastikan perbelanjaan pelaksanaan projek/aktiviti mendapat *value for money* dengan menubuhkan perunding bebas menilai cadangan perubahan/projek melebihi nilai RM100 juta.
89. PR-1242-L43501  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kajian dilakukan atas pemusatan kuasa yang berlebihan di tangan Kerajaan Pusat dan apakah Kerajaan Negeri akan diberi kuasa dalam bidang pengangkutan awam, pelancongan, pengurusan sisa pepejal dan pengurusan percukaian.
90. PR-1242-L43235  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya tindakan Kementerian memberhentikan pemberian subsidi minyak kepada syarikat-syarikat pengangkutan awam di negara ini yang boleh menjurus kepada kenaikan harga barangan di negara kita.
91. PR-1242-L43113  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah insentif kepada sektor swasta dan pelabur asing dapat membantu pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (MBE) dalam konteks projek-projek berkapasiti tinggi yang berkeupayaan menjana pertumbuhan ekonomi pesat negara.
92. PR-1242-L44224  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah syarikat-syarikat yang bermasalah dan dikenakan denda atau Lembaga Pengarah diambil tindakan oleh Pendaftar Syarikat kerana tidak menghantar laporan kewangan sepanjang 2009 dan 2010.
93. PR-1242-L44198  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat mewujudkan *limited liability partnership* ini untuk firma guaman di Malaysia.

94. PR-1242-L44995  
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapa besar kawasan yang telah dicadang untuk pembangunan tanah NCR di bawah RISDA di Sarawak dan kalau belum, apakah langkah yang telah diambil untuk rancangan tersebut; dan
  - (b) berapakah peruntukan untuk program tersebut di bawah RMKe-10.
95. PR-1242-L45011  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah dasar pengangkutan awam akan diumumkan. Apakah pelan pembangunan pengangkutan awam di bandar-bandar peringkat kedua dan ketiga seperti Balik Pulau, Kuala Pilah, Temerloh, dan Sungai Petani.
96. PR-1242-L44515  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) anggaran jadual pelaksanaan sistem cukai GST; dan
  - (b) anggaran kos Kerajaan untuk menyediakan sistem cukai GST dan kos pengurusan setiap tahun.
97. PR-1242-L43420  
**Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan kepada bot-bot nelayan dari Vietnam dan Thailand di negeri Terengganu dan juga nyatakan jumlah nelayan asing yang terlibat.
98. PR-1242-L43535  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa peratus rakyat Malaysia yang mengalami kegagalan buah pinggang dan perlu menjalani dialisis mengikut jantung dan umur serta berapa pula bilangan pusat dialisis yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan, swasta dan NGO.
99. PR-1242-L44332  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kriteria dan kaedah pemilihan kontraktor dan semi kontraktor pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Huraikan projek-projek lain beserta kos keseluruhan yang turut dijalankan oleh kontraktor berkenaan dari tahun 1990-2011.

100. PR-1242-L44879  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sumber kewangan untuk membina LRT, MRT dan Menara 100 tingkat di Lembah Klang. Apakah Kerajaan akan mendapat pinjaman dari luar negara untuk membuat projek mega dan infrastruktur di negara kita.
101. PR-1242-L43506  
**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bersetuju bahawa obesiti adalah satu masalah kesihatan yang semakin meningkat di negara kita khususnya di kalangan kanak-kanak dan golongan muda. Pakar kesihatan menganggap obesiti sebagai satu penyakit tetapi rawatan, termasuk pembedahan untuk mengatasi obesiti memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan ramai pesakit tidak mampu dan adakah pihak Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan industri insurans akan memasukkan obesiti sebagai suatu penyakit yang boleh mendapat perlindungan insurans.
102. PR-1242-L44860  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah ucapan saling mengancam antara kaum dan agama merupakan norma di negara ini dan rakyat hendaklah membiasakan diri dengan keadaan ini.
103. PR-1242-L44261  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Perbadanan Sisa Pepejal Negara akan mengambil alih tugas sepenuhnya kerja-kerja pembersihan sisa pepejal dari PBT. Berapakah kos yang terpaksa dibelanjakan akibat pengambilalihan ini dan bagaimana ia dapat mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal yang semakin meningkat.
104. PR-1242-L43873  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini berhubung dengan kejayaan atau sebaliknya usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi menjamin makanan yang dimakan oleh masyarakat Islam adalah 'halal dan baik' dan kenapakah Akta Perihal Dagangan 1972 masih tidak dibawa ke Parlimen untuk di bentang semula dan dibuat pindaan yang sewajarnya.
105. PR-1242-L43434  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan penjaja-penjaja kecil dapat disediakan ruang perniagaan yang sesuai dan kondusif untuk menjalankan perniagaan dengan lebih teratur.



106. PR-1242-L44289  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah Berat Dengan Muatan (BDM) untuk lori di Sarawak hanya 38 ton berbanding di Semenanjung yang mencapai 44 ton hingga 51 ton memandangkan jenis dan model lori adalah sama; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan permohonan para pengusaha pengangkutan untuk menyelaraskan tahap BDM di Sarawak dan sekiranya tidak, apakah faktor yang menjadi halangan.
107. PR-1242-L44702  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan televisyen yang disukai penonton mengikut kategori dan apakah usaha Kementerian untuk bersaing dengan siaran televisyen swasta; dan
  - (b) apakah kaedah yang digunakan bagi menentukan rating penonton sesuatu rancangan.
108. PR-1242-L44475  
**Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pampasan yang telah dan belum dibayar kepada syarikat konsesi ACE akibat gagalannya pelaksanaan perjanjian yang mewajibkan latihan memandu bagi semua pemandu kenderaan berat. Apakah unsur-unsur yang diambil kira dalam pertimbangan pampasan itu.
109. PR-1242-L44257  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tiada tindakan diambil terhadap akhbar Utusan Malaysia yang menyiarkan berita bohong dan menghasut bertajuk Malaysia Negara Kristian bertarikh 7 Mei 2011.
110. PR-1242-L43933  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) jumlah perbelanjaan pembangunan oleh Kementerian kepada negeri Kedah sepanjang 2010 hingga kini khususnya untuk daerah Pendang; dan
  - (b) projek yang terbengkalai hingga kini bagi seluruh negeri Kedah di bawah JKR.

111. PR-1242-L43125  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi memperkasakan guru; dan
  - (b) apakah usaha Kementerian bagi mengurangkan tugas perkeranian guru.
112. PR-1242-L44476  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan berhasrat membuat kajian untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; dan
  - (b) jika sudah ada kajian apakah penemuan hasil kajian tersebut dan cadangan.
113. PR-1242-L43879  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah bayaran wang ehsan mangsa banjir sebanyak RM500 kepada mangsa-mangsa banjir daerah Segamat tahun 2011 khususnya kawasan Parlimen Sekijang yang masih berbaki lagi akan diselesaikan.
114. PR-1242-L44321  
**Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Tabung Haji bercadang untuk mengembangkan sayap keluar negara termasuk mengurus kerja haji khususnya bagi umat Islam di negara-negara bukan Islam; dan
  - (b) apakah Kerajaan bersetuju dengan permintaan masyarakat Melayu-Cape yang meminta supaya kerja haji dan umrah mereka diurus oleh Tabung Haji Malaysia.
115. PR-1242-L44922  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) kos untuk membina bangunan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Pedu dan berapakah kos peralatan yang dibekalkan dalam bentuk tender atau runding terus; dan
  - (b) apakah kursus yang akan dilaksanakan di IKBN Pedu, bila pengambilan pelajar yang pertama dan berapakah jumlah kapasiti pelajar.

116. PR-1242-L44572  
**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyerapkan kakitangan Skim Pekerja Sambilan dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS) setelah Skim Pekerja Sambilan Harian diperkenalkan.
117. PR-1242-L43175  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan membina pusat atau balai untuk kaum wanita di kawasan luar bandar untuk kegunaan jualan produk industri kampung (*cottage*) seperti hasil kraftangan, masakan dan minuman juga untuk menjalankan aktiviti sosial seperti kelas memasak, tuisyen dan mempelajari seni budaya dan tradisional.
118. PR-1242-L43192  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah pemantauan dan penguatkuasaan yang diambil untuk memastikan semua jenis makanan daging, baik import atau penyediaan domestik selamat digunakan rakyat.
119. PR-1242-L43810  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah rasionalnya Kerajaan menghantar pasukan pengaman ke Bahrain sedangkan pendirian Malaysia tidak akan campur tangan dalam hal ehwal negara asing; dan
  - (b) apakah tugas-tugas yang diamanahkan kepada pasukan pengaman ke Bahrain.
120. PR-1242-L44259  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memotong perbelanjaan Menteri, pegawai tinggi dan pembaziran-pembaziran peringkat atasan dan bukannya menghapuskan subsidi kepada rakyat bawahan.
121. PR-1242-L44168  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap akhbar Utusan Malaysia dan dua blogger yang menyebarkan berita palsu berkenaan "Negara Kristian" sedangkan berita ini langsung tidak wujud.

122. PR-1242-L43200  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) jumlah panggilan gagal melalui telefon bimbit yang menggunakan rangkaian setiap pembekal perkhidmatan di setiap negeri terutama sekali di Sabah, oleh kerana masalah itu telah menjadi lebih serius di Tawau pada bulan April dan Mei 2011; dan
  - (b) mengapa MCMC tidak mengambil apa-apa tindakan walaupun banyak aduan telah dikemukakan dan lantaran pembekal-pembekal perkhidmatan sedang giat mengeksploitasikan masalah itu untuk mengaut keuntungan yang lebih besar daripada 30 juta orang pengguna.
123. PR-1242-L43731  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan sasaran yang ditetapkan, serta bilangan anggota RELA di setiap negeri.
124. PR-1242-L43994  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan tawaran penjualan Bank Muamalat Berhad kepada BIMB Holdings Bhd.
125. PR-1242-L44415  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayar cukai pendapatan individu bagi tahun 2011 mengikut pecahan kaum dan jumlah kutipan cukai pendapatan individu oleh Kerajaan Persekutuan mengikut pecahan negeri untuk tahun ini.
126. PR-1242-L45073  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang telah diambil setelah pendedahan oleh Suruhanjaya Di Raja terhadap siasatan rasmi berkaitan dengan kematian Teoh Beng Hock yang mana Lee Wye Wing (I/C No: 590309055281) yang telah mengaku menggunakan syarikat bumiputera untuk mendapatkan kontrak-kontrak daripada Kerajaan Selangor yang mana ia adalah seorang "*undischarged*" muflis pada 21-11-2006; dan
  - (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan ahli perniagaan muflis seperti Lee Wye Wing daripada diberi kekebalan (*immunity*) misalnya kekebalan daripada didakwa dan sebagainya dalam kegiatan perniagaannya.

127. PR-1242-L43971  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk membantu membangunkan aktiviti akuakultur di Empangan Bakun sebagai sumber pendapatan penduduk dan apakah program-program pemantauan agar fauna akuatik asli tidak terganggu.
128. PR-1242-L44438  
**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan NCB yang lebih tinggi kepada pengguna yang mempunyai rekod yang baik. Adakah pemantauan dan tindakan ke atas syarikat insurans yang enggan menawarkan insurans pihak ketiga.
129. PR-1242-L44720  
**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan maklumat bilakah balai bomba di Bukit Sentosa, Hulu Selangor akan dibina, memandangkan satu tapak telah pun dikenal pasti dan hanya menunggu projek pembinaan balai bomba itu dimulakan.
130. PR-1242-L44547  
**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan atau mengurangkan kadar tol bagi kedua-dua tol di Lebuhraya Persekutuan sebagai langkah untuk membantu mengurangkan beban pengguna lebuhraya tersebut; dan
  - (b) sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan dan sekiranya tidak nyatakan sebab-sebab secara terperinci.
131. PR-1242-L43311  
**Tuan William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah balasan yang setimpal akan diambil oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk atas sokongan mereka yang begitu kuat setiap kali pilihan raya diadakan walaupun masih jauh ketinggalan dari semua aspek pembangunan khususnya kemudahan asas seperti jalan raya luar bandar, bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

132. PR-1242-L43167

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah YB Menteri maklum bahawa kebelakangan ini sudah sering tokoh-tokoh agama yang mengeluarkan fatwa atau kenyataan yang kemudian menjadi kontroversi di kalangan tokoh-tokoh Islam sendiri, termasuk institusi Mufti; dan
- (b) jika maklum, apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menentukan agar sesudah mengkaji, meneliti dan dipersetujui hanya satu badan khusus sahaja yang mengeluarkan fatwa agar tidak mengelirukan dan tidak mengaibkan masyarakat Islam.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 –  
**Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (16 Jun, 2011)**  
  
**[ Kementerian Belia dan Sukan ]**
2. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
**[ Perdana Menteri ]**
3. (D.R. 16/2011) Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011 “  
  
**[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
4. (D.R. 14/2011) Rang Undang-undang Petroleum (Pindaan) 2011 “  
  
**[ Kementerian Kewangan ]**
5. (D.R. 18/2011) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011. “  
  
**[ Kementerian Kewangan ]**
6. (D.R. 19/2011) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011. “  
  
**[ Kementerian Kewangan ]**
7. (D.R. 20/2011) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 “  
  
**[ Kementerian Kewangan ]**
8. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 “  
  
**[ Kementerian Luar Negeri ]**

9. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “
- [ Kementerian Kewangan ]**
10. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 “
- [ Kementerian Kerja Raya ]**
11. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “
- [ Kementerian Kesihatan ]**
12. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “
- [ Kementerian Kesihatan ]**
13. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “
- [ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
14. (D.R. 17/2011) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 “
- [ Kementerian Sumber Manusia ]**
15. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
- [ Kementerian Sumber Manusia ]**
16. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “
- [ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]**
17. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2010 “
- [ Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ]**
18. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
- [ Kementerian Pertahanan ]**



19. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009

“

[ Kementerian Kewangan ]

20. PR-1242-U43283

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

**(Menteri Pertahanan)**

21. PR-1242-U43291

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1242-U43292

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

23. PR-1242-U43302

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara.

Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat dipindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

24. PR-1242-U43959

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

**(Menteri Kesihatan)**

25. PR-1242-U43960

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

**(Menteri Pelajaran)**

26. PR-1242-U44889

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".

**(Perdana Menteri)**

27. PR-1242-U44890

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjajaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

**(Menteri Dalam Negeri)**

28. PR-1242-U43366

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diinginkan berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

**(Menteri Kewangan)**

29. PR-1242-U43375

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

30. PR-1242-U43381

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

**(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

31. PR-1242-U44783

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

32. PR-1242-U44788

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan.

Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

**(Menteri Kewangan)**

33. PR-1242-U44154

**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini.

Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkut paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

34. PR-1242-U44981  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

**(Menteri Pelajaran)**

35. PR-1242-U44983  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

**(Perdana Menteri)**

36. PR-1242-U44985  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirahat dan siang bekerja. "

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

37. PR-1242-U45062  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

38. PR-1242-U45063  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

39. PR-1242-U45064  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

40. PR-1242-U43833  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urusan niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat."

Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Wareh Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

**(Perdana Menteri)**

41. PR-1242-U43387

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

**(Perdana Menteri)**

42. PR-1242-U43398

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

**(Perdana Menteri)**

43. PR-1242-U43402

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

44. PR-1242-U43408

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

**(Menteri Dalam Negeri)**



45. PR-1242-U43419

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

46. PR-1242-U43421

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

**(Perdana Menteri)**

47. PR-1242-U43424

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

48. PR-1242-U43425

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

49. PR-1242-U43427

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

**(Perdana Menteri)**

50. PR-1242-U43429

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

51. PR-1242-U43431

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

**(Menteri Pelajaran)**

52. PR-1242-U43756

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

53. PR-1242-U43407

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

**(Menteri Dalam Negeri)**

54. PR-1242-U43410

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka".

**(Menteri Dalam Negeri)**

55. PR-1242-U43412

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

56. PR-1242-U43414

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

**(Menteri Belia dan Sukan)**

57. PR-1242-U43471

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

**(Menteri Dalam Negeri)**

58. PR-1242-U43476

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

59. PR-1242-U44950

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

60. PR-1242-U44952

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

**(Menteri Sumber Manusia)**

61. PR-1242-U44876

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."

**(Perdana Menteri)**

62. PR-1242-U44878

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

63. PR-1242-U44880

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

**(Perdana Menteri)**

64. PR-1242-U44881

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

**(Perdana Menteri)**

65. PR-1242-U44883

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

**(Menteri Kewangan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2010	27 Jun 2011
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2010	27 Jun 2011
ST.29	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bagi Tahun 2010	27 Jun 2011
ST.30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Malaysia Bagi Tahun 2009	27 Jun 2011

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri yang Bertanggungjawab</b>
1. 27.6.2011 (Isnin)	1. YB. Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)	1. Kes Yong Vui Kong yang telah ditangkap kerana mengedar 47.27 gram heroin di Singapura pada 13 Jun 2007.	1. YB Menteri Luar Negeri
2. 27.6.2011 (Isnin)	2. YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	2. Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 Dalam Pembinaan Bangunan Ambulatory Di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.	2. YB Menteri Kesihatan